

KUALA LUMPUR,
Ahad — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini membidas golongan Islam di negara ini yang menyuruh orang-orang Islam lain mengancam Kerajaan.

Mereka memburukkan imej negara dan Kerajaan dengan memberi maklumat palsu kepada orang Islam lain dan menyuruh mereka mengancam Kerajaan Malaysia, katanya.

Beliau menegaskan, perbuatan fitnah itu menyebarkan Kerajaan menerima telegram bertalu-talu dari punca yang tidak pernah memberi alamat serta meretakkan hubungan baik yang telah dijalin antara negara ini dengan dunia Islam.

Ketika merasmikan Expo Pembangunan Islam sempena menyambut Abad ke-15 Hijrah di Stadium Negara pagi ini beliau berkata, perbuatan seperti ini merupakan satu sebab membuat orang Islam dan negara Islam menjadi lemah dan kita mesti mengakui hakikat ini jika tidak selama itulah kita akan lemah dan dikuasai oleh orang lain.

Beliau juga menghuraikan sebab-sebab kelemahan umat Islam yang lain termasuk disebabkan tidak mengikut Islam dan tidak menjadikan Islam sebagai 'ad-din'.

Katanya, ini jelas dililh di mana Islam suruh kita bersaudara tetapi kita nampak orang Islam bukan sahaja tidak bersaudara tetapi terus berperang sama sendiri dan berpecah belah.

"Begitu juga Islam menyuruh kita patuh kepada Tuhan dan RasulNya dan pemimpin-pemimpin kita, ada yang berkata bahawa taat kepada pemimpin bergantung kepada beberapa syarat dan terus menggubal syarat-syarat ini supaya terbatalah firman Tuhan.

"Islam menyuruh kita menuntut ilmu, ada pula yang membahagi ilmu kepada yang sekular dan tidak, oleh itu menjadikan sebahagian besar dari pengetahuan manusia tidak dapat dikuasai oleh umat Islam.

"Dengan itu, umat Is-

TELEGRAM TANPA ALAMAT

Dr. M bidas penyebar2 fitnah

lam pun tertinggal dalam kegelapan dan terpaksa mengemis untuk membuat sesuatu termasuk untuk beribadat," ujar beliau.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga mengingatkan bahawa keberanian mati syahid tidak menjamin kejayaan untuk mempertahankan Islam selagi tidak memiliki senjata dan kelengkapan perang sendiri.

Mengemis

Katanya, selagi kita tidak dapat membuat senjata sendiri yang setanding dengan senjata musuh, selama itulah kita terpaksa mengemis apabila kita diancam dan mereka yang menolong kita akan menguasai gerak geri kita.

Beliau menyatakan umat Islam tidak sepatut berbangga dengan kemajuan yang tercapai oleh orang Islam sekarang kerana masih banyak kelemahannya meskipun mereka merupakan negara yang kaya di dunia.

Datuk Seri Dr. Mahathir berharap mereka yang datang ke Expo itu mempunyai semangat keislaman yang ingin melihat Islam mencapai sekali lagi zaman gemilang.

Katanya, Expo itu hanya berjaya jika ada seseorang akan kembali semula kepada ajaran Islam yang telah menjadikan Islam satu kuasa yang menghilangkan kegelapan serta penuh dengan ilmu dan sifat-sifat kesederhanaan.

Lebih kurang 54 pertubuhan mengambil bahagian dalam Expo yang berlangsung selama dua minggu itu.

Sebelum itu, Pengerusi Expo, Datuk Haji Mohamed Nasir pula mengingatkan umat Islam di negara ini

bahawa kejahatan adalah merupakan musuh Islam yang paling besar.

Oleh itu, katanya, umat Islam diwajibkan mempelajari ilmu dalam semua bidang—dunia dan akhirat.

Turut hadir ialah Datin Seri Hasmah dan perwakilan asing.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia